



MOKHZANI Tun Dr. Mahathir (tengah) bersama dengan graduan UPM yang menjayakan Program Meet and Greet, Career Path Dream and Challenges anjuran Pusat Penempatan Kerjaya UPM-CPC baru-baru ini.

Graduan perlu miliki kemahiran tinggi

GRADUAN Universiti Putra Malaysia (UPM) perlu memiliki kemahiran yang tinggi bagi memastikan mereka mampu bersaing dan mahir menggunakan pelbagai teknologi dalam bidang yang diceburi.

Pengerusi Eksekutif Kencana Petroleum Berhad, Datuk Mokhzani Tun Dr. Mahathir berkata, graduan yang berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang amat penting bagi memastikan mereka mampu berdaya saing selepas

menamatkan pengajian.

Katanya, cabaran globalisasi telah menyebabkan persaingan hebat sehingga mendorong para majikan lebih menumpukan kepada tenaga kerja yang berkualiti dan yang memiliki kemahiran tambahan.

“Kelayakan akademik yang cemerlang sahaja belum tentu dapat menjamin seseorang itu berjaya dalam pekerjaan.

“Setiap graduan perlu memiliki kemahiran tambahan seperti kemahiran berkomunikasi, pengurusan, berinovasi, berdaya kreatif, berkeyakinan diri dan sentiasa peka terhadap perubahan semasa,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program *Meet and Greet, Career Path Dream and Challenges* anjuran Pusat Penempatan Kerjaya UPM (CPC) di sini baru-baru ini. Hadir